



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	3 APRIL 2016

Dr. Menggan terima pandangan luar

UM - 3/4/2016

KUALA KRAU 2 April - Pembangunan Proton Holdings Bhd. (Proton) terbantut sejak beberapa tahun kebelakangan ini kerana terikat dengan kuasa yang dimiliki oleh bekas Pengerusinya, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Ketua Penerangan UMNO, Tan Sri Annuar Musa berkata, bekas Perdana Menteri itu dikatakan sukar menerima pandangan dan idea orang lain berhubung usaha memajukan syarikat automotif negara berkenaan sehingga menyebabkan ia berada dalam keadaan terumbang-ambing.

“Pada masa Dr. Mahathir dalam Proton, siapa yang bawa idea lain akan timbul masalah. Ketika itu sukar untuk bertindak kepada kebebasan menguruskan sesebuah syarikat yang be-

sar. Tapi kalau waktu dia berjaya tidak mengapa, soalnya sekarang Proton kekurangan berbilion ringgit.

“Itulah sebabnya Proton tidak dapat menyaingi syarikat pengeluaran kereta lain yang lebih maju dan kompetitif,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat UMNO Cawangan Berkelompok Bahagian Kuala Kurau di sini hari ini.

Menurut Annuar, sekarang adalah masanya untuk kerajaan terus membantu menguruskan Proton dalam satu bentuk pengu- rusan yang lebih profesional.

“Peletakan jawatan Dr. Mahathir selaku Pengerusinya dilihat satu peluang untuk memulihkan syarikat kereta nasional itu,” katanya.